

## LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2023

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan yang menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK bagi tahun 2022) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi perkhidmatan berikut:

### Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN MOF	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/05 /2023	Sebut Harga Membekal, Menghantar dan Menguji Mesin Jahit, Peralatan dan Kelengkapan Bengkel Jahitan Daerah Kulim Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman	Kod Bidang : 130101/020301/ 020201/020301	RM 50.00 (Tunai)  Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai  09 Mei 2023 (Selasa)	09 Mei 2023 (Selasa)  10.30 Pagi  Bengkel Jahitan Zakat Kedah Daerah Kota Setar (Kompleks Pembangunan Asnaf)	16 Mei 2023 (Selasa)  12.00 Tengah Hari

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	<b>Tarikh dan Masa Jualan</b>
	09 Mei 2023 (Selasa) selepas jam 05.00 Petang

### Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

- i. Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengikuti siaran langsung sesi taklimat pada **09 Mei 2023 (Selasa)** di **Bengkel Jahitan Zakat Kedah Daerah Kota Setar (Kompleks Pembangunan Asnaf)** pada jam **10.30 pagi**.
- ii. Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN** mendaftar dengan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dengan melayari laman sesawang <http://perolehan.zakatkedah.com.my/>
- iii. Semua penyebutharga perlu **MENGESAHKAN KEHADIRAN** untuk mengikuti sesi taklimat secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK**.
- iv. Hanya **Syarikat yang memiliki kod bidang** di dalam MOF dan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** sahaja dibenarkan mengikuti taklimat secara atas talian ini.
- v. Bagi firma baharu, pembekal perlu **MENDAFTAR** sebagai pembekal di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** terlebih dahulu sebelum sesi taklimat berlangsung. Sila dapatkan pengesahan setelah pendaftaran dilakukan.
- vi. Kegagalan untuk mendaftar sebelum mengikuti taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan penyebutharga tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- vii. **DOKUMEN SEBUT HARGA** akan **DIJUAL SECARA ATAS TALIAN** kepada penyebutharga yang mengikuti sesi taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- viii. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- ix. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman
- x. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- xi. Pembekal yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:  
 Pertubuhan Pembangunan Asnaf (Teknikal) : 04-7331740 ext. 176  
 Pegawai Perolehan (Dokumen) : 04-7331740 ext. 265 / 019-4941740